

# Kereta api main perananan penting

U.M 20 SEP 1983

(P)  
**K**UALA LUMPUR 19 Sept. — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, perkhidmatan kereta api akan memainkan peranan penting dalam menyumbang pembangunan perindustrian dan pertumbuhan negara ke tahun 2020.

Kata beliau, bagi tujuan tersebut kerajaan menggalakkan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) untuk bergerak maju dan membina landasan-landasan baru.

Menurut beliau, kereta api sentiasa menjadi jenis pengangkutan yang paling cekap dan menguntungkan di dunia.

"Sungguhpun, di beberapa buah negara perkhidmatan kereta api dibiarkan merosot, tetapi di Malaysia sistem kereta api dipelihara dan sedang muncul semula dengan kukuhnya dan menyumbang kepada pembangunan negara," katanya.

Beliau berkata demiki-

an ketika berucap melancarkan perkhidmatan kereta api Eastern & Oriental Express di Stesen Keretapi Tanah Melayu di sini, malam ini.

Perkhidmatan kereta api itu akan berlepas dari Singapura ke Bangkok melalui Kuala Lumpur dan Butterworth setiap Ahad, pukul 3.30 petang dengan jarak perjalanan sejauh 1,943 kilometer.

Tambang yang dikenakan bagi perkhidmatan yang memakan masa selama tiga hari dua malam itu ialah RM2,860 (AS\$1,100) setiap orang.

Bagi perjalanan jarak dekat antara Singapura dan Kuala Lumpur pula ialah RM1,104 (AS\$390) seorang.

Kereta api tersebut mempunyai 22 gerabak dan mampu memuatkan kira-kira 130 penumpang.

Dr. Mahathir dalam ucapannya berharap perkhidmatan kereta api Eastern & Oriental Express yang mula dilancar-

kan hari ini dijangka melipatgandakan bilangan pelancong asing yang mengunjungi negara ini.

Kata beliau, pada tahun 1990, kedatangan pelancong asing ke negara ini telah bertambah dua kali ganda berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya khususnya sempena Tahun Melawat Malaysia.

"Adalah diharapkan pada Tahun Melawat Malaysia 1994, jumlah pelancong asing ke negara ini akan turut berlipat ganda dengan adanya perkhidmatan kereta api ini," katanya lagi.

Perdana Menteri seterusnya berkata, kereta api tersebut menggambarakan kerjasama antara pelbagai pihak dan negara.

"Laluannya bermula dari Singapura melalui Malaysia dan Thailand melambangkan kerjasama negara-negara ASEAN bukan sahaja dalam bidang politik malah ke-

budayaan, ekonomi dan sempadan ideologi.

"Malah ia juga mampu merapatkan hubungan ketiga-tiga negara Asia Tenggara ini," katanya.

Oleh itu, kata beliau, dengan adanya projek tersebut lebih ramai pelancong akan didorong untuk melancong ke negara-negara Asia Tenggara malah meningkatkan pelancong yang menggunakan penerbangan udara ke negara-negara berkenaan.

Menurut beliau, kerajaan sentiasa mengalu-alukan projek yang bernilai tinggi seperti itu.

"Langkah tersebut adalah selaras dengan polisi kerajaan membenarkan sektor swasta memainkan peranan penting dalam ekonomi manakala kerajaan memberi tumpuan pada aspek-aspek pentadbiran dan pembentukan dasar," katanya.